

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT: 1/5

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam	<p>Bantuan kewangan yang diberikan kepada waris pegawai atau pihak yang menguruskan jenazah pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan untuk apa-apa tujuan yang berkaitan dengan pengurusan jenazah pegawai.</p> <p>Takrifan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan bermakna pegawai yang terkanan yang mengetuai sesuatu pejabat. ii. Pegawai bermakna semua kategori pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya secara tetap, sementara atau kontrak. iii. Pegawai Sementara bermakna pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya secara sementara. iv. Pegawai Kontrak bermakna pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya secara kontrak dan pegawai yang dilantik secara “<i>contract of service</i>” di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (<i>Contract of Service</i>) dan pindaannya. v. Anak-anak bermakna anak kepada pegawai yang meninggal dunia termasuk anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang diambil mengikut undang-undang Malaysia. <p>Waris Pegawai</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Isteri dan anak-anak bagi pegawai lelaki yang telah berkahwin. ii. Suami dan anak-anak bagi pegawai perempuan yang telah berkahwin; atau iii. Ibu bapa bagi pegawai bujang. 	PP WP 6.4

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKASURAT: 2/5

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam	<p><u>Keutamaan Pewaris</u></p> <p>Bantuan mengurus jenazah hendaklah dibayar kepada waris terdekat pegawai yang meninggal mengikut keutamaan berikut:</p> <p class="list-item-l1">i. Bagi pegawai yang sudah berkahwin</p> <p>Isteri atau suami pegawai. Bagi pegawai lelaki yang mempunyai lebih daripada seorang isteri, bayaran diberi kepada isteri yang menanggung perbelanjaan mengurus jenazah tersebut; atau</p> <p class="list-item-l1">ii. Pegawai yang berstatus duda/ janda</p> <p>Anak lelaki atau perempuan pegawai yang meninggal dunia yang berumur 18 tahun ke atas; atau</p> <p class="list-item-l1">iii. Pegawai yang berstatus bujang</p> <p>Ibu atau bapa pegawai yang meninggal dunia.</p> <p>Jika peraturan i, ii, dan iii tidak dapat dipenuhi maka bantuan mengurus jenazah bolehlah diberi kepada mana-mana ahli keluarganya yang menanggung perbelanjaan mengurus jenazah.</p> <p>Jika jenazah tidak mempunyai waris, maka Ketua Jabatan boleh memberikan bantuan ini kepada pihak yang menguruskan jenazah tersebut.</p> <p><u>Kelayakan</u></p> <p>Bantuan Mengurus Jenazah bagi pegawai yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, sama ada di dalam atau di luar tugas rasmi adalah layak diberi kepada semua kategori pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik oleh Suruhanjaya secara tetap, sementara atau kontrak.</p>	PP WP 6.4

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020 MUKASURAT: 3/5

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam	<p>1. Tuntutan Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah</p> <p>Pastikan kenyataan tuntutan bayaran bantuan mengurus jenazah dan dokumen sokongan disertakan seperti berikut:</p> <p>1.1 Borang Permohonan Bantuan Mengurus Jenazah Pegawai Perkhidmatan Awam yang diluluskan oleh Ketua Jabatan;</p> <p>1.2 Salinan Daftar Kematian/Permit Mengubur/ Surat Pengesahan Kematian oleh Pegawai Perubatan (Diakui Sah);</p> <p>1.3 Menguruskan Jenazah (Diakui Sah); dan</p> <p>1.4 Salinan Muka Surat Hadapan Buku Akaun Bank Waris Pegawai Salinan Kad Pengenalan Waris Pegawai/Pihak</p> <p>1.5 / Pihak Yang Menguruskan Jenazah yang bukan pegawai perkhidmatan Awam.</p> <p>2.0 Sijil AP58(a)</p> <p>Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut:</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima; dan</p> <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan sepatutnya dibayar dan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi.</p> <p>Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Perbendaharaan disertakan (jika berkaitan).</p>	PP WP 6.4 Lampiran A SPANM BIL. 7 Tahun 2018 Lampiran B Perenggan 2.2 & Perenggan 2.5 AP58(a)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT: 4/5

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam	<p>3.0 Tanggungjawab Ketua Jabatan</p> <p>3.1 Bantuan menguruskan jenazah hendaklah diuruskan oleh Ketua Jabatan selewat-lewatnya satu bulan dari tarikh kematian pegawai dan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan dari kematian pegawai; dan</p> <p>3.2 Ketua Jabatan hendaklah memastikan supaya:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Maklumat / dokumen adalah lengkap dan teratur sebelum bayaran dibuat;ii. Bahagian / Seksyen / Unit memproses baucar bayaran tersebut serta merta;iii. Rekod-rekod mengenai pembayaran disimpan dengan teratur; daniv. Maklumat mengenai Bantuan Jenazah dan Pengangkutan Jenazah ini dicatatkan di dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan Pegawai. Salinan Sijil Kematian yang diakui sah serta rekod pembayaran hendaklah dikepulkan di dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan Pegawai.	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020 MUKASURAT: 5/5

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam	<p>4.0 Kadar Bayaran</p> <p>4.1 Bayaran bantuan mengurus jenazah sebanyak RM3,000 dan dibayar sekali sahaja secara sekali gus;</p> <p>4.2 Bantuan hendaklah dibayar secara cek atau bayaran pindahan secara elektronik (EFT) mengikut mana yang berkenaan; dan</p> <p>4.3 Pegawai yang diwakilkan oleh Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan pengesahan kematian pegawai dan mengisi borang seperti di LAMPIRAN A selewat-lewatnya satu bulan dari tarikh kematian. Borang tersebut hendaklah diluluskan oleh Ketua Jabatan sebelum bayaran boleh dibuat.</p> <p>5.0 Kod Akaun</p> <p>Semak sama ada kod akaun yang dipertanggungkan ke atas arahan pembayaran adalah menggunakan kod B0442999.</p> <p>6.0 Syarat dan Peraturan Lain</p> <p>Bantuan Mengurus Jenazah boleh terus dibuat dan tidak memerlukan Penyata Perubahan Gaji Kew.8.</p>	PP W.P 6.4 Perenggan 4 PP PS 1.1 PP W.P 6.4 Perenggan 6

BORANG PERMOHONAN
BANTUAN MENGURUS JENAZAH PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
(Diisi Oleh Jabatan)

A. Maklumat Pegawai Yang Meninggal Dunia	
Nama	
No. Kad Pengenalan	
Gred	
Jawatan	
Taraf Jawatan	Tetap/Sementara/Kontrak(<i>Contract Of Service</i>)
Pihak Berkuasa Melantik	
Jabatan / Bahagian	
Tarikh Kematian	
B. Maklumat Waris / Pihak Yang Menguruskan Jenazah	
Nama	
Alamat	
No. Kad Pengenalan	
Hubungan dengan pegawai	
Nama Bank	
No. Akaun	
C. Pengesahan Ketua Unit/ Penyelia / Pegawai Sumber Manusia	
Semua maklumat di atas telah disemak dan disahkan benar dan teratur	
Tandatangan	
Nama Pegawai	
Jawatan	
Tarikh	
Cop Jabatan	

D. Kelulusan Ketua Jabatan	
Tandatangan	
Nama Pegawai	
Jawatan	
Tarikh	
Cop Jabatan	
E. Maklumat Pembayaran (Untuk Dilengkapkan oleh Bahagian/ Seksyen/ Unit Kewangan)	
No. Baucar Bayaran	
Tarikh Baucar Bayaran	
No. EFT	